

31 JAN 2001

Bahrain-Malaysia

MALAYSIA SEBAGAI CONTOH BAGI DUNIA KETIGA, KATA SHAIKH KHALIFA

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Bahrain Shaikh Khalifa bin Salman Al Khalifa berkata kejayaan ekonomi Malaysia dan pembangunannya yang dinamik menjadi contoh bagi Dunia Ketiga.

Beliau memberi penghargaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang disifatkannya sebagai arkitek utama bagi pembangunan ekonomi dan perubahan sosial Malaysia.

"Saya melihat negara ini sebagai model bagi Dunia Ketiga. Apa yang telah dicapai oleh Malaysia dalam masa 20 tahun seakan-akan satu keajaiban.

"Tidak syak lagi bahawa kepimpinan Dr Mahathir menjadi penggerak bagi pembaharuan ini," kata beliau dalam ulasannya kepada para wartawan Bahrain di sini semalam pada hari kedua lawatannya ke Malaysia.

Shaikh Khalifa berlepas pulang hari ini selepas mengakhiri lawatan rasmi selama tiga hari ke negara ini.

Dalam ulasannya yang disiarkan oleh akhbar berbahasa Inggeris Bahrain, Gulf Daily News hari ini, Shaikh Khalifa berkata beliau kagum terhadap apa yang telah dilihatnya dan menaruh harapan agar hubungan antara kedua-dua negara berkekalan.

"Bahrain, sebagai negara membangun yang sederhana, akan berusaha mempelajari pengalaman Malaysia untuk melengkapkan dirinya bagi menghadapi cabaran ekonomi global dalam araf baru," kata beliau.

Shaikh Khalifa juga mengesahkan bahawa kerajaan Bahrain menyambut baik usahasama perniagaan dan pertukaran maklumat dengan Malaysia yang dapat meningkatkan pembangunan kedua-dua negara pada masa depan.

Pemimpin Bahrain itu berkata beliau menghargai peranan Malaysia sebagai contoh pemodenan dan kejayaan ekonomi.

Shaikh Khalifa juga memuji peranan Dr Mahathir bagi memupuk hubungan persaudaraan Islam.

Beliau berkata Bahrain dan negara-negara Teluk yang lain menjalin hubungan yang erat dengan Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

AFY AHH FAZ